NO. IKLAN : LKM/T&K/01/082023

# IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN LEMBAGA KOKO MALAYSIA (LKM)

Permohonan dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan bertaraf **TETAP** dan **KONTRAK** di Lembaga Koko Malaysia seperti berikut;

## 1 JAWATAN

| BIL | JAWATAN | KLASIFIKASI PERKHIDMATAN | KUMPULAN PERKHIDMATAN | BIL. KOSONG | TARAF JAWATAN | GRED DAN JADUAL GAJI | PENEMPATAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1.1 | Pegawai Ehwal Ekonomi | Ekonomi (E) | Pengurusan dan Profesional | 1 | Tetap | **Gred E41**<br>Minimum: RM2,083.00<br>Maksimum: RM9,549.00 | Bahagian Pembangunan Pasaran dan Ekonomi, Ibu Pejabat, Kota Kinabalu |
| 1.2 | Akauntan | Kewangan (W) | Pengurusan dan Profesional | 1 | Kontrak | **Gred WA41**<br>Minimum: RM2,820.00<br>Maksimum: RM9,585.00 | Bahagian Khidmat Pengurusan, Ibu Pejabat, Kota Kinabalu |
| 1.3 | Penolong Pegawai Penyelidik | Penyelidikan dan Pembangunan (Q) | Pelaksana | 1 | Tetap | **Gred Q29**<br>Minimum: RM1,496.00<br>Maksimum: RM5,676.00 | Bahagian Teknologi Hiliran, Pusat Inovasi dan Teknologi Koko, Nilai, Negeri Sembilan |
| 1.4 | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) | Pentadbiran dan Sokongan (N) | Pelaksana | 1 | Tetap | **Gred N19**<br>Minimum: RM1,352.00<br>Maksimum: RM4,003.00 | Kota Kinabalu, Sabah |

| BIL | JAWATAN | KLASIFIKASI PERKHIDMATAN | KUMPULAN PERKHIDMATAN | BIL. KOSONG | TARAF JAWATAN | GRED DAN JADUAL GAJI | | PENEMPATAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | **Q19** | | |
| | | | | | | **Minimum** | **Maksimum** | |
| 1.5 | Pembantu Penyelidik | Penyelidikan dan Pembangunan (Q) | Pelaksana | 1 | Tetap | RM1,355.00 | RM4,007.00 | Unit Pembangunan Usahawan Coklat (UPUC), Pusat Inovasi dan Teknologi Koko, Nilai, Negeri Sembilan |
| | | | | | | **W19** | | |
| | | | | | | **Minimum** | **Maksimum** | |
| 1.6 | Pembantu Tadbir (Kewangan) | Kewangan (W) | Pelaksana | 1 | Tetap | RM1,353.00 | RM4,005.00 | Bahagian Khidmat Pengurusan, Ibu Pejabat, Kota Kinabalu |

Maklumat jawatan dan syarat kelayakan adalah seperti berikut:-

| 1.1 | PEGAWAI EHWAL EKONOMI |
|---|---|

**Syarat Kelayakan :**

a) Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam dalam bidang Ekonomi, Pengurusan Perniagaan dan Pemasaran, Komunikasi, Perniagaan Tani atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institut pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ***ATAU***

***DAN*** b) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Deskripsi Tugas:**

i) Menjalankan perancangan pembangunan, pasaran ekonomi atau pengurusan sumber manusia.
ii) Mengawal selia pelaksanaan operasi Bahagian, dana-dana yang diperuntukkan, mengurus pentadbiran Unit/Bahagian.
iii) Mewakili agensi dalam jawatankuasa/ pertubuhan berkaitan industri koko.
iv) Memastikan segala peraturan-peraturan mengikut peruntukan akta berkaitan serta peraturan kerajaan yang diterima menerusi Dasar, Pekeliling dan arahan.
v) Menyediakan laporan prestasi Bahagian/Agensi kepada Ahli Lembaga dan stakeholders berkaitan.
vi) Menyedia, merancang strategi, memperaku, melaksanakan Dasar program pembangunan, mengemaskinikan keperluan teknologi melalui program pemindahan, pemindahan teknologi dan pemasaran.
vii) Menyelia dan melaksanakan serta menyelaras urusan berkaitan dengan perhubungan dan pengurusan media, promosi dan publisiti.

| 1.2 | AKAUNTAN |
|---|---|

**Syarat Kelayakan :**

a) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institut pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ***ATAU***

b) Lulus peperiksaan akhir Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan; ***ATAU***

c) Lulus Peperiksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia (MIA)

***DAN*** d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Deskripsi Tugas:**

i) Menyelaras, merancang, menyedia dan menyelenggara pelaksanaan aktiviti pengurusan Kumpulan Wang Pusingan Hasil Lembaga Koko Malaysia (KWPHLKM)
ii) Mengawal selia pelaksanaan aktiviti Pengurusan Aset LKM dan Perakaunan Aset LKM
iii) Membantu merancang dan menganalisa pengurusan sistem kewangan LKM
iv) Pegawai pengganti kepada Ketua Unit Kewangan untuk tugas-tugas operasi di Unit Pengurusan Kewangan

| 1.3 | PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK |
|---|---|

**Syarat Kelayakan :**

a) Sijil Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; ***ATAU***

b) Diploma dalam bidang Kimia/ Kimia Perindustrian/Sains/Teknologi Makanan/ Mikrobiologi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institut pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ***ATAU***

c) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institut pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ***ATAU***

***DAN*** d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Deskripsi Tugas :**

Membantu pegawai penyelidik dalam merancang, melaksanakan projek penyelidikan, mengumpul, merekod maklumat dan menganalisis data-data projek berkenaan Program Pembangunan Produk Berasaskan Koko

a) Membantu menjalankan kerja-kerja penyelidikan dalam menjalankan kerja-kerja di makmal atau lapangan.
b) Menguruskan, mendapatkan dan mengumpul data penyelidikan mengikut jadual.
c) Membantu dalam aspek teknikal dalam pembentangan hasil penyelidikan jika diperlukan.
d) Mempelajari dan menggunakan aplikasi peralatan dan/ atau perisian-perisian berkaitan penyelidikan hiliran koko.
e) Membantu dan menunjuk ajar dalam membina insan intelektual seperti penganjuran dan pelaksanaan kursus dan latihan dalam pembangunan produk.
f) Melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pameran/ promosi yang ditetapkan/ dirancang oleh Lembaga Koko Malaysia
g) Memastikan makmal dan peralatan makmal sentiasa dalam keadaan yang teratur dan bersih.
h) Menjaga dan memantau keselamatan semua harta modal/ harta alih/ inventori/ bahan kimia makmal di bawah jagaan.

| 1.4 | PEMBANTU TADBIR (PEKERANIAN/OPERASI) |
|---|---|

**Syarat Kelayakan :**

a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; ***ATAU***

b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ***ATAU***

c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

***DAN*** d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Deskripsi Tugas :**
Membantu Ketua Unit Pengurusan Perolehan untuk menyediakan dokumen kontrak / bekalan / perkhidmatan dan kerja serta aktiviti-aktiviti berkaitan perolehan berdasarkan Peraturan dan Pekeliling yang berkuat kuasa.

| 1.5 | PEMBANTU PENYELIDIK |
|---|---|

**Syarat Kelayakan :**

a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; ***ATAU***

b) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang Sijil Seni Kulinari dan Penyediaan Makanan yang diiktiraf oleh Kerajaan; ***ATAU***

c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ***ATAU***

d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

***DAN*** e) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

***(Bagi pemohon yang hanya mempunyai kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia, keutamaan adalah diberi kepada pemohon yang mendapat kepujian dalam sekurang-kurangnya satu mata pelajaran Sains pada peringkat peperiksaan tersebut).***

**Deskripsi Tugas :**

i) Membantu Pegawai Ehwal Ekonomi dan Penolong Pegawai Penyelidik menyelaras, melaksana program dan aktiviti Unit Pembangunan Usahawan Coklat.
ii) Membantu merancang, menyelaras, melaksanakan, mengawalselia dan memantau aktiviti-aktiviti Unit Pembangunan Usahawan Coklat
iii) Melakukan aktiviti pemindahan teknologi pembuatan coklat buatan tangan, pembangunan usahawan coklat dan aktiviti pengembangan seperti pemantauan dan verifikasi.
iv) Bertanggungjawab kepada pelaporan-pelaporan berkaitan dengan pembangunan usahawan coklat.

| 1.6 | PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) |
|---|---|

**Syarat Kelayakan :**

a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut; ***ATAU***

b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat pertengahan (simpan kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ***ATAU***

c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ***ATAU***

d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta sijil perdagangan Malaysia peringkat tertinggi (perakaunan) serta kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ***ATAU***

e) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

***DAN*** f) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Deskripsi Tugas :**

i) Membantu dalam pengurusan penerimaan dan penghutang
ii) Membantu dalam pengurusan kewangan Kumpulan Wang Pusingan Hasil (KWPH)
iii) Membantu dalam pengurusan Akaun
iv) Membantu dalam pengurusan Cek Belum Tunai
v) Membantu dalam pengurusan pinjaman kenderaan dan komputer

## 2. KELAYAKAN PERMOHONAN

### 2.1 *Syarat-syarat Permohonan Bagi Kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia Mengikut Sistem Terbuka*

i) Lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua daripada mata pelajaran adalah diperingkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu peperiksaan; ***ATAU***

ii) Lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut; ***DAN***

iii) Memenuhi syarat-syarat Bahasa Melayu, sama ada Kepujian atau lulus dan subjek-subjek tertentu sepertimana disyaratkan dalam skim perkhidmatan.

**2.2 Calon-calon yang tidak memiliki keputusan seperti di atas adalah tidak layak dipertimbangkan untuk maksud lantikan ke jawatan yang mensyaratkan kelayakan SPM, SVM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.**

## 2. SYARAT-SYARAT UMUM PERMOHONAN

i) Calon-calon bagi lantikan hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan.

ii) Bagi calon-calon yang terdiri daripada pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan / Perkhidmatan Awam Negeri / Badan Berkanun Persekutuan / Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah berumur:-

- kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

## 3. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Calon-calon yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

## 4. CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang boleh dicetak melalui Laman Sesawang Lembaga di alamat www.koko.gov.my

Borang permohonan yang telah lengkap diisi berserta sekeping gambar berukuran paspot dan salinan Ijazah, Diploma (termasuk transkrip keputusan peperiksaan semua semester), STPM/SPM, Sijil Berhenti Sekolah dan lain-lain dokumen (spt, kad pengenalan, sijil lahir, dll lagi) yang **DIAKUI SAH** oleh Pegawai Dalam Kumpulan Pengurusan & Profesional dan hendaklah dihantar tidak lewat pada **jam 5:00 Petang, Jumaat 08 September 2023** ke Ibu pejabat Lembaga Koko Malaysia di alamat:-

**KETUA PENGARAH**
**LEMBAGA KOKO MALAYSIA**
**TINGKAT 5, 6 & 7 WISMA SEDCO,**
**LORONG PLAZA WAWASAN**
**OFF COASTAL HIGHWAY**
**BEG BERKUNCI 211**
**88999 KOTA KINABALU, SABAH.**

Nama jawatan yang dipohon hendaklah dicatit disudut atas sebelah kiri sampul surat. Sebarang **permohonan yang tidak lengkap tidak akan dilayan** dan **akan dianggap tidak berjaya,** hanya calon-calon yang layak selepas tapisan/senarai pendek sahaja akan dihubungi untuk ditemuduga. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.